Sedap
house of noodles ™
pioneer in noodles!

# ASAS KEUSAHAWANAN 300
# ETR 300

*DISEDIKAN UNTUK:*


**PN. NURJALILAH BT. HJ. ABDULLAH**
TUTOR ETR300
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA


*DISEDIAKAN OLEH:*


| | |
|---|---|
| **FAUZIAH BT. YUSOP** | **96689392** |
| **SYARIZAL BT. ABDUL GHANI** | **96383791** |
| **SITI MARSHITA BT. MD.RAWI** | **96364522** |
| **AZIZAH BT. AHMAD** | **96363789** |
| **SURAINI BT. SAHIMI** | **96364680** |
| **HIEMASH ERDAWATHY BT. HUSSAIN** | **96364474** |

DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA


DIS. '98 – APR '99

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA
## CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067


Tarikh: 29hb. Disember 1998
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

| Bil. | Nama Pelajar | No. ITM |
|---|---|---|
| 1. | Fauziah bte Yusop | 96689392 |
| 2. | Syarizal bte Abdul Ghani | 96383791 |
| 3. | Siti Marshita bte Md. Rawi | 96364522 |
| 4. | Azizah bte Ahmad | 96363789 |
| 5. | Hiemash Erdawathy bte Hussain | 96364474 |
| 6. | Suraini bte Sahimi | 96364680 |

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarkan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**SHAHARIAH HJ. OSMAN**
**Ketua Kursus DBS**
**ITM Melaka.**
**b/p Pengetua**

## SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Ketua Projek ETR 300
Diploma Pengurusan Perniagaan
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

23 March 1999

Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
KM 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka Bandaraya Bersejarah

Tuan,

**PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN (ETR 300)**

Merujuk kepada perkara yang diatas, adalah dengan sukacitanya saya bagi pihak ahli-ahli yang lain iaitu:-

I. Hiemash Erdawaty bt.Hussain
II. Siti Marshita bt. Md. Rawi
III. Azizah bt. Ahmad
IV Suraini bt. Sahimi
V. Syarizal bt. Abdul Ghani

Dengan ini menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan mengenai kafetaria yang mensajikan makanan mee, Sedap House of Noodles bagi memenuhi keperluan akhir matapelajaran ini. Diharapkan laporan ini dapat memberi penjelasan mengenai Rancangan Perniagaan kami ini.

Laporan ini mengandungi pengenalan, tujuan, latarbelakang perniagaan serta Rancangan Organisasi, Rancangan Pemasaran, Rancangan Operasi dan Rancangan Kewangan. Tidak ketinggalan kami juga menyertakan lampiran dan dokumen sebagai sokongan kepada laporan kami ini.

Harapan kami agar segala usaha tyang dijalankan telah memenuhi keperluan tuan dan memdapat rahmat dari Allah s.w.t. Kami memohon jutaan kemaafan dari pihak tuan sekiranya terdapat kesilapan pada Rancangan Perniagaan kami ini.

Perhatian dari pihak tuan, amat kami hargai dan diucapkan ribuan terimakasih.

Sekian, terimakasih.

Yang benar,

| | |
|---|---|
| FAUZIAH BT YUSOP | SYARIZAL BTE ABD GHANI |
| *Pengurus Besar* | *Pengurus Pentadbiran* |

## RINGKASAN

***Sedap House of Noodles*** merupakan nama bagi perniagaan kami yang bertepatan dengan makanan yang bakal kami sajikan. Perniagaan kami merupakan sebuah kafetaria yang menjual serbanika jenis mee. Sajian Serbanika mee ini termasuklah jenis mee, 'clay pot' dan sizzling samada masakan ala Cina, ala tradisional dan ala barat .Perniagaan ini dijangka akan beroperasi pada bulan Januari 2004.

Di alamat :- Sedap House of Noodles
Lot G-01 , Kota Francais, 40000, Shah Alam, Selangor

Tapak Kafetaria ini boleh dikatakan amat berpotensi kerana ia terletak di tengah-tengah kesibukan pusat bandar dan dikelilingi oleh pejabat-pejabat dan kawasan kediaman.Kafetaria kami ini berkonsepkan terbuka ( open air ) untuk menarik minat pelanggan.

Perniagaan kami ini dibuka di antara jam 12.00 tengahari hingga 8.00 malam pada setiap hari kecuali pada hari Isnin.
Sedap House of Noodles ini menyajikan :-

1. Hidangan mee yang panas dan enak seperti Claypot Mee, Special Sizzling Mee, Mee Kungfu dan beraneka jenis mee .
2. Minuman panas dan sejuk seperti teh cina,coklat panas ,jus oren, Coke dan sebagainya.
3. Pencuci mulut seperti papaya, tembikai, aiskrim dan tembikai susu.